

Ruj. Kami : ANM.PK.G/ 600-1/1/2JLD.3(67)
Tarikh : 17 Mei 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

MAKLUMAN PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2019 bertajuk Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019 bertajuk Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dan Surat Kementerian Kewangan Malaysia ruj: MOF.DS(S)600-40/3/3(19) bertajuk Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* Tahun 2019 yang bertarikh 17 Mei 2019 adalah dirujuk berkenaan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **pembayaran BKK Tahun 2019 berjumlah RM450.00** akan dibayar pada **24 Mei 2019 (Jumaat)**. Perkara-perkara dibawah hendaklah diambil maklum:

- i. Diminta semua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar (Jab/PTJ/PP) yang mana urusan pembayaran gaji diuruskan oleh JANM Negeri Perak, mengambil Laporan ini secara *softcopy (sila bawa pendrive)* di Tingkat 5, Unit Gaji, JANM Negeri Perak mulai **21 Mei 2019 (Selasa)**. Mohon laporan tersebut dicetak sendiri mengikut pusat pembayar masing-masing.
- ii. Jab/PTJ/PP adalah bertanggungjawab **menyemak Laporan Penerima BKK 2019** berdasarkan kelayakan yang telah digariskan di dalam pekeliing berkenaan.
- iii. Jika berlaku pembayaran kepada pegawai yang tidak layak menerima BKK 2019, tindakan mengutip semua amaun yang telah dibayar adalah seperti berikut:
 - a. Bagi pegawai yang masih berkhidmat, tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran gaji bulan berikutnya.
 - b. Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib, ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019, kutipan tunai hendaklah dibuat ke atas pegawai.

3. Bagi Pusat Pembayar iaitu sekolah-sekolah di bawah seliaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sila dapatkan laporan tersebut daripada PPD masing-masing.

4. Sekiranya terdapat tindakan penahanan BKK di bank, sila hantar surat ke Unit Gaji, JANM Perak selewat-lewatnya pada pukul 1.00 petang, 21 Mei 2019 (Selasa) melalui emel: gaji_prk@anm.gov.my atau faks: 05-2412969. Jika penerimaan surat penahanan bank lewat diterima selepas pukul 1.00 petang, PTJ hendaklah melakukan tindakan seperti di no. 2(iii).

6. Walaubagaimanapun, bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E), berikut adalah Peraturan Pembayaran BKK Tahun 2019 yang perlu dipatuhi oleh Jab/PTJ/PP:

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew. 330E), Jenis Transaksi (K2 – Invois tanpa PT) beserta Penyata Perubahan (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain.
- ii. Kod Akaun yang perlu digunakan bagi BKK Tahun 2019 adalah seperti berikut:

Kategori Penerima	Kod Wagetype	Kod Akaun
Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	1072	B0117102
Pegawai Pasukan Keselamatan	1072	B0117202
Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap	1072	B0229306
Pekerja Sambilan Harian	1548	B0229306

7. Sekiranya Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Gaji di talian 05-2462108 /125.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA
NEGERI PERAK**